

# **Berdakwah Melalui Penulisan Efektif**

oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Judul:  
Berdakwah Melalui Penulisan Efektif

Penulis dan Aturhuruf:  
Hafiz Firdaus bin Abdullah  
[hafizfirdaus2@yahoo.com.my](mailto:hafizfirdaus2@yahoo.com.my)  
[www.hafizfirdaus.com](http://www.hafizfirdaus.com)  
SMS: 019-384 8467

© Hafiz Firdaus Abdullah.

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2008

Penerbit:  
Perniagaan Jahabersa  
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,  
81200 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim,  
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.  
Fax: 07-235 1603  
<http://www.jahabersa.com.my>  
[jahabers@tm.net.my](mailto:jahabers@tm.net.my)  
[jahabers@starhub.net.sg](mailto:jahabers@starhub.net.sg)

## **Kandungan**

---

**Kata Pembuka** **5**

**Pengenalan** **7**

**Bahagian Pertama:**  
**Persediaan Awal Sebelum Menceburি**  
**Bidang Penulisan.** **11**

- 1.1 Niat Yang Ikhlas.
- 1.2 Bersiap Sedia Untuk Kerja Keras.
- 1.3 *Wal 'Ashr...Uruskan Masa Anda.*
- 1.4 Penulis Yang Baik Ialah Pembaca Baik.
- 1.5 Bersikap Jujur.
- 1.6 Lakukan Pelaburan RM!

**Bahagian Kedua:**  
**Langkah-Langkah Sebelum Menulis.** **35**

- 2.1 Memilih Subjek Dan Tajuk.
- 2.2 Melaksanakan Solat *Istikharah.*
- 2.3 Membuat Kajian.
- 2.4 Memilih Tahap Kesukaran.
- 2.5 Memilih Format Penulisan.
- 2.6 Membuat Kerangka Buku.

<b>Bahagian Ketiga:</b> <b>Langkah-Langkah Semasa Menulis.</b>	<b>53</b>
3.1    Penulisan Yang Efektif.	
3.2    Format Notakaki.	
3.3    Kesilapan Tatabahasa Yang Lazim.	
<b>Bahagian Keempat:</b> <b>Langkah-Langkah Selepas Menulis.</b>	<b>79</b>
4.1    Membaca Pruf.	
4.2    Mengadakan Tempoh Masak.	
4.3    Menerima Maklumbalas Pembaca.	
<b>Bahagian Kelima:</b> <b>Memilih Penerbit Yang Baik.</b>	<b>93</b>
5.1    Bagaimana Memilih Penerbit Yang Baik?	
5.2    Adakah Khidmat Penyunting Sesuatu Yang Positif Atau Negatif?	
<b>Kata Penutup</b> <b>Jangan Menulis Al-Qur'an.</b>	<b>101</b>

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha  
Penyayang.

2008 merupakan tahun yang istimewa bagi saya kerana ia menandakan genap sepuluh tahun saya mencebur入 bidang penulisan. Sekali pun buku pertama saya terbit pada tahun 1999, usaha menulisnya bermula sejak tahun 1998.

Maka bagi tahun 2008 ini, terlintas di hati saya untuk menulis sebuah buku yang ringkas lagi mudah sebagai panduan kepada orang-orang yang ingin menulis buku agama. Penulisan ini tidaklah bererti saya seorang penulis yang cemerlang, tetapi lebih kepada perkongsian pengalaman dan panduan (*guideline*) kepada asas-asas penulisan.

Saya yakin di luar sana terdapat banyak para ilmuan yang ingin menulis tetapi mungkin samar-samar tentang kaedah penulisan. Mungkin juga sudah siap menulis tetapi kurang jelas samar tentang proses penerbitan. Semoga buku kecil ini dapat membantu mereka.

Faktor lain yang menyebabkan saya menulis buku ini

ialah kerana mulai tahun 2008, saya membuat keputusan untuk tidak lagi menjadi penyunting. Ringkas kata, bersara dari menjadi penyunting. *Alhamdulillah* hingga kini saya telah menyunting lebih daripada dua puluh buah buku. Banyak ilmu yang dapat saya peroleh tentang kaedah penulisan hasil daripada perbincangan dan pertukaran pendapat dengan para penulis yang lain. Apa yang saya peroleh itu saya kongsikan dalam buku ini.

Buku ini saya susun secara santai, mudah dan ringkas. Saya tahu tujuan anda membacanya ialah kerana ingin menulis. Justeru saya tidak akan membazirkan masa anda dengan menulis buku yang tebal, cukuplah buku yang nipis agar dengan itu anda dapat terus mula menulis. *Insya-Allah*.

Sebelum berpisah, saya berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar buku ini mencapai tujuannya. Semoga kehadiran buku ini sedikit sebanyak dapat menggiatkan lagi usaha dakwah di kalangan umat Islam.

Sekian, *wassalamu 'alaikum warahmatullah*.

Hafiz Firdaus bin Abdullah

1 Januari 2008

## Pengenalan

*Sesungguhnya Allah, para malaikat-Nya, penduduk langit dan bumi, bahkan semut di liangnya sehinggaikan ikan besar (di lautan), semuanya berselawat kepada orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia.*

Demikian maksud sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi di dalam *Sunannya*. Sementara dalam sebuah hadis lain yang diriwayatkan oleh al-Bazzar, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda, maksudnya: *Orang yang mengajar kebaikan, dia diminta ampun oleh segala sesuatu sehingga ikan besar di lautan.*

Kedua-dua hadis ini yang saya nukil dari kitab *Shahih al-Targhib wa al-Tarhib li al-Munziri* oleh al-Albani (hadis no: 81 & 82) jelas menunjukkan keutamaan orang yang mengajar kebaikan. Maksud mengajar kebaikan ialah, mengajar ilmu-ilmu agama Islam. Ada pun cara pengajaran, maka ia tidak ditetapkan oleh hadis-hadis tersebut. Bererti apa jua cara pengajaran, ia termasuk dalam perbincangan hadis.

Antara cara tersebut ialah menulis buku agama. Selain

dari mendapat keutamaan selawat dan doa keampunan, orang yang menulis buku agama atas tujuan mengajar juga mendapat beberapa keutamaan yang lain. Dua daripadanya ialah:

1. Menulis buku agama dalam sesuatu tajuk akan membuat penulisnya mengkaji tajuk tersebut sedalam-dalamnya. Ini secara tidak langsung menambahkan lagi ilmunya berkenaan subjek tersebut. Sebagai contoh, orang yang ingin solat sunat mungkin hanya akan membaca satu buku. Akan tetapi bagi orang yang ingin menulis buku berkenaan solat sunat, dia akan mengkaji puluhan buku sehingga dapat menguasai secara mendalam subjek tersebut.
2. Menulis buku agama akan membolehkan ilmu tersebar luas secara berkekalan. Satu perbandingan mudah. Ustaz A dan B ingin menyampaikan ilmu berkenaan hukum memakai tangkal. Ustaz A menyampaikannya melalui lisan. Ceramahnya dihadiri oleh seratus orang. Ustaz B menyampaikannya melalui penulisan. Artikelnya disiarkan dalam sebuah majalah yang memiliki jumlah edaran dua puluh ribu naskah setiap

bulan.

Antara Ustaz A dan B, siapakan yang dapat menyampaikan ilmu secara lebih luas? Seterusnya, para hadirin ceramah ustaz A mungkin akan lupa apa yang mereka pelajari setelah beberapa ketika. Akan tetapi ilmu yang disampaikan oleh Ustaz B masih kekal selagi mana majalah tersebut disimpan dengan baik oleh pembelinya.

Melalui risalah yang serba ringkas ini, saya ingin berkongsi bersama para pembaca yang budiman sekalian panduan menulis buku agama. Apa yang kongsi di sini merupakan apa yang saya pelajari dari pengalaman menulis lebih tiga puluh buah buku dan menyunting lebih dua puluh buah karya penulis lain sejak sepuluh tahun yang lalu. Risalah ini saya bahagikan kepada lima bahagian utama:

1. Persediaan Awal Sebelum Menceburi Bidang Penulisan.
2. Langkah-Langkah Sebelum Menulis.
3. Langkah-Langkah Semasa Menulis.
4. Langkah-Langkah Selepas Menulis.

## 5. Memilih Penerbit Yang Baik.

Bagi teks utama risalah ini, saya gunakan font *Times New Roman*. Bagi mengemukakan contoh penulisan, saya gunakan font *Comic Sans*. Bagi apa-apa catitan atau tips, saya guna font *Verdana*. Ketika mengemukakan nukilan kata-kata ulama' atau tokoh, saya gunakan font *Arial*. Sekali pun tajuk risalah ini ialah *Ayuh Kita Menulis Buku*, risalah ini saya tujukan kepada semua bentuk penulisan termasuklah kertas kerja dan artikel. Ia juga ditujukan kepada semua kategori penulis termasuklah penterjemah, penyunting dan pembaca pruf.

## **Bahagian Pertama: Persediaan Awal Sebelum Menceburi Bidang Penulisan**

Beberapa orang ada menghubungi saya menyatakan mereka beberapa kali telah cuba menulis tetapi gagal. Akhirnya mereka putus asa daripada melakukan sebarang penulisan. Lantas saya bertanya: “Adakah anda telah melakukan persediaan-persediaan awal sebelum menceburi bidang penulisan?”

“Ada persediaan awal ke?”

“Sudah tentu!” jawab saya.

“Ohh! Ya ke? Ingatkan *switch on* komputer dan terus taip.”

“Ah-ha! Sebab tu anda sukar hendak menulis. Sebenarnya persediaan awal merupakan perkara penting yang perlu diketahui oleh semua orang yang ingin cuba menulis.”

Persedian awal yang saya maksudkan adalah seperti berikut:

### **1.1 Niat Yang Ikhlas.**

Menyampaikan ilmu agama adalah satu amal ibadah dan sebagaimana semua amalan lain, ia hendaklah dimulai dengan niat yang ikhlas kerana Allah semata-mata. Jangan menulis untuk meraih kemasyhuran, kekayaan atau apa-apa tujuan dunia yang lain. Jika anda menulis ikhlas kerana Allah, Allah akan membantu penulisan anda. Jika anda menulis kerana sebab selain Allah, maka Allah akan membiarkan anda.

Di sini timbul persoalan yang lazim dikemukakan, patutkah diminta bayaran royalti? Pada pandangan saya, yang utama ialah tidak meminta bayaran royalti. Sebabnya:

1. Merupakan sunnah semua para Nabi dan Rasul bahawa dalam rangka menyampaikan ilmu, mereka tidak meminta apa-apa bayaran. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan dasar ini melalui lisan salah seorang Rasul-Nya: *Dan aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah mengenai apa yang aku sampaikan (dari Tuhan); balasanku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan sekalian alam.* [al-Syu'ara 26:109]

Maka jika anda ialah seorang ilmuan pewaris para Nabi dan Rasul, anda sepatutnya memiliki manhaj yang sama ketika menyampaikan ilmu.

2. Menulis buku sama ertinya dengan mengajarkan ilmu. Ilmu yang diajarkan secara ikhlas tanpa mengharapkan imbalan duniaawi, pahalanya tetap mengalir kepada penulis sekali pun setelah dia meninggal dunia. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda, maksudnya: *Sesungguhnya di antara yang menyertai seorang mukmin dari amal dan kebaikannya setelah dia meninggal dunia ialah ilmu yang diajarkannya dan disebarluaskannya.* [Shahih al-Targhib wa al-Tarhib, hadis no: 77]

Bayangkan pahala yang diperolehi oleh para imam kita yang menulis buku tanpa royalti sejak beratus-ratus tahun yang lalu. Penulisan mereka sentiasa mengalirkan pahala sehingga ke hari ini! Di manakah letaknya bandingan antara RM sekian-sekian dengan pahala yang berkekalan?

3. Bayaran royalti yang diminta akan diserapkan oleh syarikat penerbit dalam harga jualan buku. Lagi tinggi

royalti yang diminta, lagi mahal harga buku. Akhirnya yang menjadi mangsa adalah para pembeli. Di sini anda perlu menilai semula tujuan menulis buku, adakah untuk menyampaikan ilmu atau memiskinkan umat Islam?

Jika anda menulis buku ikhlas sebagai satu sarana untuk menambahkan lagi ilmu anda dan memperbaiki agama anda, maka Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan memimpin anda ke arah itu. Allah berfirman, maksudnya: “*Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.*” [al-Ankabut 29:69]

Jika anda menulis buku ikhlas untuk membantu Islam dan umatnya, maka Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjanjikan: “*Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu dan meneguhkan tapak pendirian kamu.*” [Muhammad 47: 07]


Apabila anda menulis buku tanpa royalti, pastikan

anda mendapatkan dua perkara berikut dari penerbit anda:

1. Hakcipta buku hendaklah berada di atas nama anda. Ini penting kerana seandainya apa-apa yang tidak baik berlaku kepada penerbit buku anda, anda boleh menyerahkan buku tersebut kepada penerbit yang lain. Ini boleh dilakukan oleh anda atau generasi anda beberapa ratus tahun yang akan datang.
2. Pastikan penerbit menjual buku anda dengan harga yang rendah berbanding buku-buku lain yang sama ketebalannya, yang turut dijual oleh penerbit anda.

## **1.2 Bersiap Sedia Untuk Kerja Keras.**

Saya menulis risalah ini dengan tujuan memberi motivasi kepada para pembaca untuk menulis. Akan tetapi saya terpaksa bersikap jujur dalam penulisan ini. Menulis buku bukanlah satu kerja mudah. Ketika melakukan kajian sebelum menulis, anda perlu memiliki disiplin yang tinggi untuk menahan mata dari mengantuk dan menahan badan dari tilam yang empuk. Kemudian ketika menulis, anda perlu gagah menghadapi kaki yang kebas, bahu yang lenguh dan



jari yang lesu kerana terpaksa menaip untuk jangka masa yang amat panjang. Setelah menulis, anda perlu mengedit dan mengulang-edit. Semua ini belum lagi mengambil kira pemikiran yang terpaksa diperah ke tahap maksima sebelum, semasa dan setelah menulis.

Oleh itu bidang penulisan bukanlah untuk orang yang lembik fizikal, lemah hati dan cepat putus asa. Ia hanya untuk orang yang cergas jasmaninya, cekal hatinya dan memiliki semangat positif yang tinggi.

### **1.3 Wal 'Ashr...Uruskan Masa Anda.**

Ramai orang menganggap saya mampu melakukan banyak kerja penulisan kerana kerjaya sebagai seorang

juruterbang. Kononnya kerjaya juruterbang ada banyak masa lapang dan boleh “menulis di atas udara!”

Saya menolak anggapan ini. Ini kerana jika dikaji latarbelakang tokoh-tokoh yang banyak menulis seperti Abdul Ghani Azmi dan Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh di Malaysia, Hasbi ash-Shiddiqie dan Hamka di Indonesia serta Nashiruddin al-Albani dan Yusuf al-Qaradhawi di Timur Tengah, akan didapati mereka semua tidak bekerjaya sebagai juruterbang.

Faktor sebenar yang menentukan sama ada seseorang itu boleh menulis atau tidak bukanlah kerjayanya tetapi kemampuan mengurus masanya. Cuba lihat jam anda, sama ada di tangan, dinding atau talifon bimbit. Kiraannya adalah tetap: sehari = 24 jam, sebulan = 30 hari, setahun = 365 hari. Semua orang memiliki kiraan masa yang sama. Orang yang banyak menulis tidak memiliki 40 jam sehari manakala orang yang tidak sempat menulis tidak memiliki 15 jam dalam sehari.

Justeru yang penting di sini ialah pengurusan masa, iaitu bagaimana memanfaatkan sepenuhnya 24 jam yang anda ada dalam sehari. Saya memiliki sebuah risalah khusus dalam

subjek ini berjudul *Wal ‘Ashr: Pengurusan Masa Dalam Islam* yang dimuatkan dalam *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 6)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru. Dipersilakan merujuk ke sana untuk kaedah-kaedah menguruskan masa anda.

#### **1.4 Penulis Yang Baik Ialah Pembaca Baik.**

Ada juga yang menganggap seseorang itu menjadi penulis yang baik kerana bakat penulisan yang sedia ada dalam DNanya. Saya tidak setuju. Pada saya, seseorang itu menjadi penulis yang baik kerana dia adalah seorang pembaca yang baik.

Sedar atau tidak, terdapat dua jenis ilmu yang terkandung dalam mana-mana buku:

1. Ilmu dari subjek buku tersebut. Apabila kita membaca buku berjudul “Puasa-Puasa Sunat Rasulullah”, kita mendapat ilmu dalam subjek puasa-puasa sunat.
2. Ilmu dari cara penulisan buku tersebut. Dengan memerhatikan cara penulis menyampaikan subjeknya, kita mendapat ilmu tentang cara-cara menulis.

Lazimnya apabila membaca buku, pembaca hanya memberi tumpuan kepada ilmu jenis pertama. Ada pun ilmu jenis kedua, ramai yang tidak sedar ia wujud. Maka untuk menjadi penulis yang baik, anda perlu menjadi pembaca yang baik. Pembaca yang baik akan memerhatikan ciri-ciri penulisan berikut:

1. Pembahagian bab-bab.
2. Penyusunan tertib bab.
3. Penyusunan ayat dan gaya penyampaian.
4. Pemilihan perkataan (*vocabulary*) dan tatabahasa (*grammar*).
5. Penggunaan koma, koma bertitik, noktah, *numbering*, *bullets*, nota kaki, carta dan sebagainya.


Ada satu teknik bacaan yang disangka baik oleh sebahagian orang, iaitu *speed reading*. Melalui teknik ini, pembaca dapat menghabiskan satu buku dalam masa yang singkat. Sebenarnya teknik ini memiliki banyak kelemahan, antaranya:

1. Banyak fakta penting yang anda terlepas pandang.

2. Kefahaman yang dicapai hanya pada tahap minimum. Berdasarkan poin satu dan dua ini, menjadi satu kelaziman para pembaca buku saya menghubungi saya kerana sesuatu persoalan yang mereka tidak temui dalilnya atau sesuatu masalah yang tidak mereka fahami. Saya menjawab mudah: “Baca semula buku yang sama itu di mukasurat sekian-sekian, tetapi kali ini jangan *speed read*, sebaliknya baca perlahan-lahan.” Pasti mereka akan menemui jawapan yang dicari.
3. Anda tidak dapat menghafal dalil dan hujah. Pernah mengalami suasana apabila anda ditanya satu soalan dan yang mampu anda jawab hanyalah: “Saya pernah baca tentangnya semalam tetapi tak ingat apa hadis yang dijadikan dalil...”?
4. Anda tidak dapat belajar cara-cara penulisan.
5. Poin 1, 2, 3 dan 4 di atas menyebabkan anda terpaksa membaca semula buku yang sama itu. Semua ini mensifarkan manfaat teknik *speed reading* yang diamalkan pada kali yang pertama.

Oleh itu untuk menjadi penulis yang baik, anda perlu

menjadi pembaca yang baik. Banyakkan bacaan dan berilah tumpuan khas kepada cara penulisan buku bacaan anda. Apabila saya kata “banyakkan bacaan”, maksudnya minimum lima buku sebulan, bukan satu buku setahun.



### **1.5 Bersikap Jujur.**

Sikap jujur yang saya maksudkan adalah:

1. Gunakan nama tulen anda sebagai pengarang. Jangan guna nama samaran atau nama *kunyah* (sebagai contoh: Abu Umar, Abu Faruq, Umm Fatimah). Ini kerana penggunaan nama samaran memberi isyarat kepada pengarang yang tidak jujur, penakut dan


seolah-olah ada sesuatu yang ingin disembunyikan. Jika apa yang anda sampaikan dalam penulisan anda adalah benar, maka tidak ada apa-apa yang perlu anda sembunyikan. Penggunaan nama samaran hanyalah khas untuk penulis yang takut berhadapan dengan realiti, termasuklah kepada realiti namanya sendiri.

2. Jujur dalam memilih subjek. Tulis subjek yang anda kuasai, tangguhkan subjek yang tidak anda kuasai. Jika anda diminta oleh mana-mana pihak untuk menulis kertas kerja, artikel atau buku dalam subjek yang tidak anda kuasai, bersikap jujurlah untuk menolak permintaan tersebut. Ingat! Berkata “Tidak” bukan tanda kelemahan, sebaliknya tanda kejujuran, keberanian dan kebijaksanaan.
3. Jujur dalam menyatakan rujukan. Pengalaman saya menyunting buku dari beberapa penulis lain membuatkan satu penemuan yang agak memerlajatkan. Sebahagian penulis, di antaranya tokoh agamawan yang masyhur, tidak memiliki kitab rujukan asal. Sebaliknya mereka hanya menyalin dari sumber sekunder yang tidak dapat dipastikan

kesahihannya.

Penulis seperti ini mengemukakan satu hadis lalu menyatakan di bahagian notakaki: "Shahih al-Bukhari, hadis no: 5121" atau mengemukakan satu nukilan perkataan ulama lalu mencatit selepasnya: "al-Nawawi - al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, jld. 3, ms. 42." Padahal apabila disemak pada kitab yang asal, ternyata lafaz hadis adalah berbeza atau nukilan perkataan hanyalah satu ringkasan dari teks yang asal.

Ketika saya bertanya kembali kepada pengarang akan perbezaan ini, mereka mengakuinya: "Ohh! Saya hanya ambil di internet" atau "Errr...saya hanya salin



dari buku terjemahan, bukan *al-Majmu'* yang asal.”

Sikap tidak jujur seperti ini tidak sepatutnya menjadi manhaj seorang penulis buku agama. Bersikap jujurlah dalam menyatakan sumber rujukan anda. Jika anda tidak merujuk kepada sumber yang asal, nyatakanlah ia, umpama:

- *Shahih al-Bukhari* ([www.nama\\_laman\\_web.com](http://www.nama_laman_web.com), dirujuk pada 25 Nov 2006), hadis no: 5121.
- Ibn Hajar al-'Asqalani - *Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari* (edisi cdrom *Maktabah Syamilah* versi 2), jld 6, ms. 433.
- Muhammad bin Shalih al-'Utsaimin - *Ushul al-Fiqh* (edisi terjemahan oleh Hamidah bt Osman; Ipoh, Pustaka Ilmu, 2001), ms. 87.
- al-Nawawi - *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, jld. 3, ms. 42; dinukil dari buku Dr. Ahmad bin Jamal *Panduan Solat Sunat Rasulullah*, (Kuantan, Darul Hadis, 1995), ms. 28.
- Ibn Taimiyah - *Majmu' al-Fatawa* (Dar al-Wafa', Kaherah, 2001), jld. 23, hlm. 42 secara ringkas dan

berpisah-pisah.

Waspadalah! Jika ada pembaca yang menyemak sumber-sumber anda dan didapati anda tidak jujur dalam menyatakan kejujuran anda sebagai penulis akan ditolak secara keseluruhan. Ia melibatkan semua buku anda, sama ada yang sudah atau bakal diterbitkan.

## **1.6 Lakukan Pelaburan RM!**

Pelaburan ialah anda meletak sedikit duit pada masa kini demi pulangan yang lebih besar pada hari akan datang. Menulis buku adalah juga satu pelaburan, hanya pulangannya ialah pahala yang berkekalan sepetimana yang dinyatakan dalam poin 1.1 di atas. Untuk menjadi penulis, anda perlu melakukan pelaburan untuk:

### **1.6.1 Membeli sumber rujukan.**

Menulis buku agama bukanlah menulis novel di mana anda hanya perlu berangan-angan untuk mendapatkan cerita yang baik. Buku agama ialah tanggungjawab menyampaikan ilmu kepada pembaca dengan kerana itu anda perlu

memastikan apa yang ditulis adalah benar. Untuk mencapai kepastian ini, anda perlukan rujukan yang cukup dalam subjek yang bakal anda tulis.

Memang, anda memiliki pilihan untuk pergi ke perpustakaan. Akan tetapi bersiap sedialah untuk menghadapi cabaran:

1. Rujukan yang dicari telah dipinjam berbulan-bulan lamanya.
2. Rujukan yang dicari baru dikembalikan, tetapi disimpan kerana ada orang lain yang telah menempahnya terlebih dahulu.
3. Rujukan yang dicari ada dalam senarai perpustakaan, tetapi ia tidak berada di rak yang sepatutnya. Anda menghabiskan 2 hingga 4 jam semata-mata mencarinya.
4. Rujukan yang dicari telah anda temui tetapi jilid atau mukasurat yang anda hendak kaji telah hilang.
5. Setelah ditemui apa yang hendak dikaji, tiba-tiba teringat bahawa anda lupa membawa komputer riba ke perpustakaan dan mesin penyalin pula sedang

diperbaiki.

Cabaran-cabaran ini menyebabkan buku yang anda tulis mengambil masa berbulan-bulan untuk disiapkan. Padahal jika anda memiliki rujukan sendiri, anda mungkin mengambil masa sebulan untuk menyiapkannya.

Anda juga memiliki pilihan menggunakan sumber perisian cdrom atau internet, akan tetapi cabaran penting yang perlu diperhatikan ialah ketepatan maklumat. Ini kerana sekalipun kedua-dua sumber itu merujuk kepada kitab-kitab yang asal, pemindahan maklumat (*data transfer*) dilakukan oleh para penaip yang kebanyakannya tidak tahu apa yang mereka taip. Justeru para penaip tidak akan sedar seandainya mereka tersalah eja istilah, tertinggal perkataan atau tertinggal satu perenggan sekali gus.

Sebagai contoh, seorang perawi hadis dinilai “*La thiqat*” (tidak boleh dipercayai) dalam kitab *al-Jarh wa al-Ta’wil* ditaip sebagai “*thiqat*” (boleh dipercayai) dalam edisi cdrom atau internet. Bagi penaip, perkataan “*La*” yang dia tertinggal itu tidak memiliki apa-apa kesan yang besar. Akan tetapi bagi seseorang yang sedang menilai darjat sanad hadis, ia mengubah darjatnya dari dhaif kepada sahih.


Semua ini menyebabkan saya tetap menyarankan para penulis untuk menggunakan rujukan yang terdiri dari kitab-kitab yang asal. Mulakan bertahap-tahap dengan kitab-kitab yang penting seperti *Tafsir Ibn Katsir* dan kitab hadis yang enam (al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Nasa'e, al-Tirmizi dan Ibn Majah). Perlahan-lahan ia dikembangkan kepada rujukan yang lain. Membuat sebuah perpustakaan peribadi mungkin melibatkan kos yang agak tinggi tetapi yakinilah, ia memiliki nilai yang jauh lebih berharga bagi seorang penulis yang komited.

### **1.6.2 Memiliki komputer peribadi**

Jangan bercita-cita untuk menulis buku agama di cyber kafe dengan suasana orang di sebelah kanan anda khusyuk bermain tembak-menembak manakala orang di sebelah kiri anda syok menonton gambar *X-rated*. Juga tidak disyorkan anda menulis di pejabat kerana peranan anda di sana ialah melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh majikan.

Oleh itu pilihan yang terbaik ialah menulis di rumah. Anda perlu membeli sebuah komputer yang khusus untuk kegunaan menulis sahaja. Komputer ini tidak semestinya yang

paling mahal dan paling canggih. Tak silap saya jika sekadar menulis dengan perisian *Microsoft Word*, anda hanya memerlukan komputer yang menggunakan *Pentium II*. Di pasaran terdapat banyak komputer riba *second hand* yang boleh anda beli dengan harga yang rendah.



*Alhamdulillah* sehingga kini saya masih menggunakan komputer riba jenama *Acer* yang saya beli pada tahun 2001. Ia menggunakan *Pentium III* kelajuan 800Mhz dengan cakera padat sebesar 20Gb. Saya tidak tukar ke komputer yang lebih laju dan canggih kerana kerja saya hanya menulis, bukannya membuat rekabentuk roket untuk dilancar ke bulan.

Walaubagaimana pun, saya syorkan anda membeli *keyboard* dan *mouse* yang berkualiti baik seperti jenama

*Logitech. Keyboard* dan *mouse* yang berkualiti rendah akan cepat memenatkan anda, bahkan banyak membazir masa dan tenaga anda.

Seterusnya, letakkan skrin komputer, *keyboard* dan *mouse* di atas meja yang memiliki ketinggian yang sesuai dengan kerusi dan posisi badan anda. Jangan menganggap remeh persoalan ini. Ia memiliki hubungan yang amat erat dalam menentukan sama ada anda cepat lenguh atau sentiasa cergas ketika menulis.

### **1.6.3 Membeli perisian tulen.**

Bayangkan jika ada orang yang pergi umrah tetapi membayar tiket penerbangan dengan wang rompakan. Sudah tentu anda akan mempersoalkan sama ada ibadah umrahnya diterima Allah atau tidak. Demikianlah juga dengan menulis buku agama, jangan anda menulis dengan perisian cetak rompak. Pahala berkekalan yang anda harapkan mungkin berubah menjadi sebaliknya. Justeru pastikan perisian dasar komputer anda (*Windows*, *Linux*, *Apple*) adalah tulen. Pastikan juga perisian lain seperti *Microsoft Word* adalah tulen juga.

#### **1.6.4 System Anti Virus, Back up dan Anti Child.**

“Kena serang virus”, “hard disk tiba-tiba rosak” dan “anak saya terdelete.” Demikian 3 keluhan yang agak biasa kedengaran dari orang yang sedang menulis. Ia memang satu tragedi yang mengerikan, sekali pun tiada darah yang mengalir keluar. Justeru disarankan kepada semua penulis:

1. Siap sediakan komputer anda dengan system *anti virus* yang bagus. Sama ada yang dibeli atau dimuat turun secara percuma, pastikan ia sentiasa dilengkapi dengan maklumat yang terkini. Pada waktu yang sama jangan biarkan komputer anda diguna oleh orang lain.
2. Mencari jalan untuk *back up* buku yang sedang anda tulis. Satu cara mudah ialah menggunakan *USB thumb drive* dari jenama yang terbukti selamat seperti *Kingston* dan *Apacer*. Apabila anda menulis, *save* seperti biasa dalam komputer anda. Akan tetapi di penghujung setiap hari, *save* ke dalam *USB thumb drive*. Simpan ia ditempat yang selamat dan jangan menyucuknya di komputer-komputer yang lain.
3. Anak tetap anak, kenakalan mereka tidak boleh dielakkan, kesalahan mereka tidak boleh dihukumi.

Kadangkala mereka menarik kabel elektrik komputer anda, kadangkala mereka *delete* file yang anda *save* dalam komputer. Pilihan terbaik ialah menyediakan bilik menulis khas dengan tanda “Dilarang Masuk” terpapar besar di hadapannya. Strategi lain, sorok kabel elektrik komputer, *save* file di lokasi yang tersembunyi dalam komputer, guna *password protection* dan pelbagai lagi.

### **1.7 Belajar Guna Microsoft Word.**

Saya memiliki seorang sahabat yang pada satu masa dahulu amat benci dengan notakaki. Sekali pun beliau bertugas sebagai seorang pensyarah, beliau enggan menggunakan format notakaki dalam apa-apa hasil tulisannya. Pelbagai alasan diberikan, konon ia tidak perlu, menakutkan pembaca, merumitkan perbahasan dan pelbagai lagi.

Pada satu hari beliau menghubungi saya melalui talifon. Beliau telah dijemput untuk membentang kertas kerja bagi satu seminar peringkat kebangsaan. Penganjur seminar telah meletakkan syarat, semua kertas kerja hendaklah menggunakan format notakaki. Nak tak nak, beliau terpaksa

menggunakan format notakaki. Saya berkata: “Tak apa lah, apa nak buat. Kali ini Prof terpaksalah guna format notakaki.”

“Hmmm!” dia mengeluh. “Bukan apa, saya sebenarnya tak tahu macam mana nak buat notakaki guna *Microsoft Word* ni. Dulu zaman saya buat tesis, saya guna mesin taip...mudah saja.”

“Ooh!” saya tersenyum sendirian. “Tak mengapa, saya boleh ajarkan. Mudah saja.”

Sejak hari itu, beliau tidak lagi “anti” dengan penulisan yang menggunakan format notakaki.

Mesej yang cuba saya sampaikan, apa juu *word prosessor* yang anda guna, luangkan sedikit masa untuk mempelajari ciri-cirinya. Anda boleh menghadiri kursus atau membaca dari buku-buku bantuan sendiri seperti *The Complete Idiot's Guide To Word 2003* atau *Word 2007 for Dummies*. Banyak ciri-ciri yang sebenarnya agak tersembunyi dari pengguna biasa. Padahal ciri-ciri tersebut jika diketahui akan memudahkan kerja penulisan dan menjadikan ia lebih menarik. Ia juga dapat menjimatkan masa anda.



## **Bahagian Kedua:**

### **Langkah-Langkah Sebelum Menulis**

Anda masih bersama saya? *Alhamdulillah*, tahniah diucapkan. Saya menjangkakan agak ramai pembaca yang tawar hati untuk cuba-cuba menulis selepas membaca bahagian *Persediaan Awal Sebelum Menceburi Bidang Penulisan*. Cabaran-cabaran yang saya senaraikan bukanlah untuk menyah-motivasi atau menakutkan para pembaca sekalian daripada menceburi bidang penulisan. Sebaliknya saya bersikap jujur agar para pembaca sekalian dapat melakukan persiapan yang secukupnya sebelum menceburi bidang penulisan. Pada pengamatan saya, ramai orang tidak dapat menulis kerana tidak melakukan apa-apa persediaan awal. Cuba demi mencuba, tidak berganjak satu mukasurat jua. Akhirnya ramai yang putus asa dari menulis.

Baiklah, sekarang kita masuk ke bahagian seterusnya berkenaan langkah-langkah sebelum menulis. Ia adalah seperti berikut:

## **2.1 Memilih Subjek Dan Tajuk.**

Langkah pertama ialah memilih subjek yang sesuai untuk ditulis iaitu apa yang:

1. Penting untuk Islam dan umat Islam.
2. Belum ditulis oleh penulis yang lain, atau sudah ditulis tetapi dengan kupasan yang perlu diperbaiki.

Bagi mengetahui subjek yang sesuai seperti poin 1 dan 2 di atas, seorang penulis hendaklah peka kepada suasana agama dan umat di negaranya. Pada waktu yang sama hendaklah rajin melawat kedai buku untuk melihat subjek apa yang sudah ditulis, belum ditulis atau sudah ditulis tetapi memiliki kupasan yang perlu diperbaiki.


Walaubagaimana pun bagi mereka yang pertama kali mencuba untuk menulis, saya cadangkan memilih subjek yang mudah umpama *Adab-Adab Berdoa, Zikir Di Pagi Dan Petang Hari, Panduan Solat Sunat* dan *Himpunan Puasa Sunat*. Saya sendiri mula meneroka bidang penulisan dengan buku mudah *Zikir-Zikir Selepas Solat Fardhu*. Lama-kelamaan apabila sudah agak selesa menulis, barulah dipertingkatkan ke subjek yang menepati poin 1 dan 2 di atas.

Di sini ada baiknya juga memiliki tajuk yang sesuai dengan subjek. Bagi pemilihan tajuk, dicadangkan yang pendek dan padat. Elakkan daripada memiliki tajuk yang terlampau canggih kerana sekali pun ia baik dari sudut menarik perhatian pembeli, dari sudut yang lain ia akan mengelirukan pembeli yang baru hendak berjinak-jinak dengan buku agama.

## 2.2 Melaksanakan Solat *Istikharah*.

Setelah dipilih subjek yang sesuai, lakukan solat *Istikharah*. Jika subjek tersebut adalah baik, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan memudahkan langkah-langkah seterusnya. Jika tidak, Allah akan menyukarkan.

Menyentuh tentang solat *Istikharah*, terdapat banyak bid'ah yang telah menyelinap masuk sehingga mencemari ketulenannya. Justeru saya sarankan anda mengkaji tatacara solat *Istikharah* yang menepati sunnah. Antara rujukan yang baik lagi sahih ialah *Shalat Istikharah: Membuka Kesuksesan hidup* oleh Syaikh Abdullah bin Muhammad al-Hamadi. Ia telah diterjemahkan ke bahasa Indonesia oleh Fathurrahman Hamid dan diterbitkan oleh Pustaka Azzam, Jakarta, 2005.



### 2.3 Membuat Kajian.

Langkah seterusnya ialah membuat kajian terhadap subjek yang dipilih. Berkenaan sumber kajian, sila rujuk semula bahagian 1.6.1. Terdapat dua perkara penting yang perlu diperingatkan ketika membuat kajian:

1. Pastikan sumber kajian anda ialah kitab-kitab muktabar yang ditulis oleh para tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Jangan pula menjadikan bahan-bahan tulisan aliran yang menyeleweng seperti Anti Hadis, Syi'ah, *Hizhut Tahrir* dan sebagainya sumber kajian.
2. Jika dalam sesuatu subjek terdapat perbezaan pendapat, kajilah ia secara adil. Jangan sekadar mengikuti pandangan yang masyhur atau apa yang

sudah sedia tersemat dalam minda anda.

Seorang penulis perlu sentiasa ingat bahawa apa yang dia tulis pada hari ini akan dipersoal oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pada hari Akhirat kelak. Oleh itu pastikan anda melakukan kajian yang adil dari sumber yang betul lagi menyeluruh. Jadikan buku anda sebagai pelaburan yang bermanfaat pada hari Akhirat kelak, bukan pelaburan yang merugikan.

## **2.4 Memilih Tahap Kesukaran.**


Anda perlu memilih tahap kesukaran buku yang bakal anda tulis. Terdapat tiga tahap untuk dipilih:

### **2.4.1 Tahap Pertama.** Ini ialah tahap yang paling mudah.

Ia ditujukan kepada masyarakat umum, khasnya mereka baru hendak berjinak-jinak dengan buku agama. Ia juga ditujukan kepada mereka yang belum berminat membaca buku agama, dengan harapan ia dapat menarik mereka ke arahnya. Contoh buku saya dalam tahap pertama ini ialah *Wahai Ibu! Wahai Ayah!, Marilah Bekenalan Dengan al-Qur'an dan 7*

### *Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam.*

Satu catatan. Kemudahan yang dimaksudkan bagi tahap pertama ini jangan sehingga mengorbankan ciri-ciri kesahihan fakta dan ketepatan maklumat. Buku agama bukanlah novel cinta, ia adalah buku yang menerangkan tentang agama yang asalnya milik Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Justeru jangan memuatkan hadis yang tidak diketahui darjatnya, hikayat-hikayat dongeng serta petua-petua yang batil di dalamnya.



Paling afdhal ialah apabila seorang penulis dapat mengekalkan ciri ilmiah bagi buku di tahap pertama ini. Dalil-dalil al-Qur'an dan hadis disertakan, hanya

diberikan penjelasan mudah akan maksudnya. Notakaki dikekalkan, hanya ia ringkas dan padat. Perbezaan pendapat diperincikan, hanya ia dikemukakan dengan cara yang dapat menarik minat pembaca, bukan menjauhkan. Elak dari menggunakan istilah yang tidak dikenali umum. Jika perlu menggunakanannya, jelaskan maksud istilah di bahagian notakaki atau sedia senarai istilah di akhir buku.

Ada yang berkata: “Buku-buku hendaklah ditulis ke tahap yang amat mudah sehingga *Mat Rempit* pun dapat memahaminya.” Saya memandang sinis terhadap pendapat ini kerana:

1. *Mat Rempit* jarang-jarang membaca buku agama.
2. Tidak perlu meletakkan tahap yang amat rendah kerana para pembaca, termasuk *Mat Rempit*, memiliki pilihan membaca artikel-artikel agama yang terdapat dalam akhbar harian. Artikel-artikel tersebut ditulis dengan cara yang amat mudah sehingga boleh difahami oleh mereka yang tidak faham. Berbeza dengan buku, ia hendaklah menyediakan sesuatu yang lebih baik, lebih ilmiah

dan lebih informatif dari akhbar. Buku hendaklah menawarkan sesuatu yang lebih baik, lebih tinggi tahapnya berbanding akhbar harian.

3. Jika ditulis buku pada tahap yang sama dengan pembaca, kita tidak akan dapat mengangkat tahap mereka ke aras yang lebih tinggi. Akhirnya *Mat Rempit* tetap pada tahap *Mat Rempit*, *Bohsia* tetap pada tahap *Bohsia*. Penulisan yang baik tidak sekadar menyampaikan ilmu kepada para pembaca tetapi mengangkat taraf bacaan pembaca.

**2.4.2 Tahap Kedua.** Ini ialah tahap pertengahan yang sesuai untuk para pembaca yang sudah lazim membaca buku agama dan memiliki asas yang cukup untuk mencerna bahan bacaan yang ilmiah. Tahap ini juga sesuai untuk mereka yang memiliki pendidikan tahap sarjana dan kedoktoran.

Contoh buku saya dalam tahap kedua ini ialah *20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya, Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah dan Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

**2.4.3 Tahap Ketiga.** Ini ialah tahap agak sukar yang ditujukan kepada para pengkaji dan para pembaca yang tajam daya kefahamannya. Contoh buku saya dalam tahap ketiga ini ialah *Pembongkaran Jenayah Ilmiah dan Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Syi‘ah al-Rafidhah*.

## **2.5 Memilih Format Penulisan.**

Terdapat beberapa format penulisan yang boleh anda pilih:

**2.5.1 Format penyampaian yang terus.** Kebanyakan buku menggunakan format ini.


**2.5.2 Format soal-jawab.** Format ini amat berkesan untuk mendudukkan subjek yang berat pada tahap yang pertama (mudah). Contohnya ialah buku Ustaz Adlan bin Abdul Aziz yang berjudul *20 Persoalan Asas Tentang Hadis*.

**2.5.3 Format senarai.** Format ini sesuai untuk mencapai kefahaman yang praktikal kepada pembaca. Perhatikan buku *Beberapa Persoalan Lazim Tentang*

*Solat* karangan Mohd. Yaakub bin Mohd. Yunus dan buku *15 Asas Jati Diri Muslim Cemerlang* karangan Dr. Azwira bin Abdul Aziz.

- 2.5.4 Format dialog.** Format ini sesuai sebagai pembuka tulisan. Ia melibatkan perbincangan antara dua atau lebih orang berkenaan subjek yang bakal ditulis dalam buku. Perbincangan itu mungkin merupakan kisah benar atau lakonan. Cuba lihat pembukaan kepada buku saya *Wahai Ibu! Wahai Ayah!*
- 2.5.5 Format undang-undang.** Format ini menggunakan penomboran bagi setiap bab dan pecahan bab. Ia sesuai digunakan bagi buku yang memerlukan pembacanya merujuk kembali kepada beberapa perbincangan yang berbeza dalam buku yang sama. Karya saya *Apakah Jihad Di Jalan Allah (Buku 1 & 2)* serta risalah ini menggunakan format undang-undang.
- 2.5.6 Format poin dan penjelasan.** Bagi setiap bab atau perbincangan, kemukakan poin dasar, diikuti dengan penjelasan bagi poin tersebut. Format ini saya gunakan dalam buku *Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

**2.5.7 Format hujah dan jawapan.** Cuba selidik buku *Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Syi'ah al-Rafidhah*, *Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil* dan *Pembongkaran Jenayah Ilmiah*. Ia menggunakan format mengemukakan hujah, dalam kes ini hujah yang batil, diikuti dengan jawapan bagi membantah kebatilan tersebut. Format ini sesuai untuk menjawab buku-buku atau pendapat-pendapat batil yang dikemukakan oleh aliran atau individu yang menyeleweng.



**2.5.8 Format variasi.** Beberapa format berasingan digunakan dalam satu buku yang sama. Format yang

bervariasi ini akan menjadikan pembaca merasa seolah-olah membaca buku yang berbeza-beza sekali pun pada hakikatnya ia adalah satu buku yang sama. Contohnya ialah buku saya *7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam*, ia menggunakan format penyampaian terus (2.5.1), senarai (2.5.3), dialog (2.5.4) serta poin dan penjelasan (2.5.6).

## **2.6 Membuat Kerangka Buku.**

Langkah terakhir sebelum mula menulis ialah membuat kerangka buku. Ia seolah-olah membuat pelan rumah sebelum pembinaan dimulakan. Dengan membuat kerangka seorang penulis dapat:

1. Merancang bab-bab yang akan dikupas.
2. Menyusun tertib bab.
3. Menambah bab yang perlu, membuang yang tidak perlu.
4. Merancang perincian bagi setiap bab.
5. Membuat jangkaan ketebalan buku. Poin ini adalah

penting kerana para pembaca kurang meminati buku agama yang tebal. Ketebalan buku yang sesuai ialah dua ratus mukasurat dan ia bersama dengan seratus mukasurat saiz A4. Demi mencapai jangkaan atau *target* ketebalan buku, pastikan bab terakhir yang anda susun merupakan sesuatu yang boleh diubah-ubah jumlah kupasannya.

Berikut dikemukakan satu contoh. Umpamakan anda memiliki subjek *Panduan Solat Sunat* dan ingin menulisnya pada tahap yang mudah (2.4.1) melalui format penyampaian terus (2.5.1). Ketebalan maksimum ialah seratus mukasurat A4. Berikut adalah langkah-langkahnya:

**Langkah 1:** Merancang bab-bab yang akan dikupas, umpama:

- Jenis-jenis solat sunat berdasarkan dalil sahih.
- Beberapa kesalahan lazim dalam melaksanakan solat sunat.
- Jenis-jenis solat sunat yang diperselisihkan.
- Keutamaan melaksanakan solat sunat.

- Jenis-jenis solat sunat yang tidak berdasarkan dalil sahih.

**Langkah 2:** Bab-bab yang telah anda pilih untuk dikupas kini disusun semula mengikut tertib yang sesuai, seperti:

- Bab 1: Keutamaan melaksanakan solat sunat.
- Bab 2: Jenis-jenis solat sunat berdasarkan dalil sahih.
- Bab 3: Jenis-jenis solat sunat yang diperselisihkan.
- Bab 4: Jenis-jenis solat sunat yang tidak berdasarkan dalil sahih.
- Bab 5: Beberapa kesalahan lazim dalam melaksanakan solat sunat.

**Langkah 3:** Memandangkan anda telah memilih tahap penulisan yang mudah, bab 3 dan 4 mungkin memberatkan para pembaca. Ia melibatkan penjelasan yang panjang tentang mengapa ia diperselisihkan atau mengapa ia masyhur dilaksanakan padahal tiada dalil yang

menyokongnya. Oleh itu, sesuai dengan tahap mudah yang anda pilih, bab 3 dan 4 tidak akan disertakan.

Bab 5 juga agak berat tetapi ia tetap penting kerana banyak orang tidak sedar akan kesalahan yang mereka lakukan ketika melaksanakan solat sunat. Justeru ia dikekalkan dan akan cuba disampaikan semudah mungkin. Maka bab yang tinggal kini ialah:

- Bab 1: Keutamaan melaksanakan solat sunat.
- Bab 2: Jenis-jenis solat sunat berdasarkan dalil sahih.
- Bab 3: Beberapa kesalahan lazim dalam melaksanakan solat sunat.

**Langkah 4:** Bab 2 agak besar, maka ia diperincikan kepada beberapa bab kecil seperti:

- Bab 2: Jenis-jenis solat sunat berdasarkan dalil sahih.
  - (a) Solat sunat *Rawatib* (sebelum dan

sesudah solat fardhu).

(b) Solat sunat khusus:

(b-1) Solat sunat malam.

(b-2) Solat sunat witir.

(b-3) Solat sunat dhuha.

(b-4) Solat sunat tahhiyatul  
masjid.


(b-5) ..... (demikianlah  
seterusnya dengan solat-  
solat sunat yang lain)

Bab 3 juga agak besar, maka ia diperincikan kepada beberapa bab kecil bagi menerangkan jenis-kenis kesalahan yang lazim dilakukan oleh masyarakat.

**Langkah 5:** Bagi Bab 3, bilangan jenis kesalahan yang akan diperincikan bergantung kepada jumlah mukasurat buku yang masih berbaki. Jika jumlahnya pada saiz A4 setelah selesai Bab 2 ialah enam puluh mukasurat, maka anda ada

tiga puluh lima mukasurat untuk perincikan jenis-jenis kesalahan. Anda perlu simpan tiga mukasurat untuk Kata Penutup dan dua mukasurat lagi untuk Senarai Rujukan. Dengan tiga puluh lima mukasurat yang ada, anda mungkin dapat perincikan tujuh jenis kesalahan.

Seandainya Bab 2 selesai pada mukasurat yang ketujuh puluh, anda ada dua puluh lima mukasurat untuk perincikan jenis-jenis kesalahan. Dengan jumlah ini, anda mungkin dapat perincikan lima jenis kesalahan. Justeru Bab 3 adalah sesuatu yang dinamik dari sudut ketebalan dan jumlah kupasan.






## **Bahagian Ketiga:**

### **Langkah-Langkah Semasa Menulis**

Baiklah, sekarang anda sudah sedia untuk menulis. Apabila anda hendak menulis seboleh mungkin pastikan tiada apa-apa agenda lain di fikiran anda. Jika anda memiliki sesuatu tugasan lain seperti membayar bil, membawa anak-anak ke taman atau menservis kereta, lakukan semua itu terlebih dahulu. Habiskan semua agenda sehingga apabila anda duduk di hadapan komputer, tiada apa-apa di fikiran anda kecuali menulis. Pada waktu yang sama, senyapkan talifon bimbit dan beritahu ahli keluarga bahawa anda tidak mahu diganggu.



Seterusnya, jangan meletakkan sasaran (*target*) yang terlalu tinggi untuk jumlah penulisan yang hendak anda capai dalam sehari. Jika anda meletakkan sasaran yang terlalu tinggi, anda akan menjadi resah jika ia tidak dapat anda capai. Keresahan ini akan mengganggu ketenangan fikiran anda dan akhirnya anda tidak dapat menulis langsung.

Saya sendiri meletakkan sasaran menulis satu buku dalam setahun. Penulisan itu saya usahakan secara bertahap-tahap. Adakalanya dalam sehari saya dapat menulis satu bab, adakalanya satu mukasurat dan adakalanya hanya dua tiga perenggan. Bahkan adakalanya dalam seminggu saya tidak sempat menulis apa-apa langsung. Justeru yang penting di sini ialah menulis secara bertahap-tahap dan meletakkan sasaran waktu yang munasabah untuk menyiapkannya.

Saya tidak mengetahui apa-apa petua khusus dari al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih untuk diamalkan pada saat hendak menulis. Apa yang saya amalkan hanya membaca *Isti'azah*, iaitu menyebut *A'uzubillahi minash syaitan nirrajim* dan *Basmalah*, iaitu menyebut *Bismillahi Rahmani Rahim*. Hikmah di sebalik membacanya telah saya jelaskan dalam buku *7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam* terbitan

Jahabersa, Johor Bahru.

Dalam bahagian ketiga ini, saya akan memberi tumpuan kepada format tulisan, iaitu:

1. Penulisan yang efektif.
2. Format notakaki.
3. Kesilapan tatabahasa yang lazim.

### **3.1 Penulisan Yang Efektif.**

Para pakar komunikasi menyatakan bahawa dalam sesuatu komunikasi, enam puluh peratus daripada mesej tersampai melalui gaya badan (*body language*), tiga puluh peratus daripada mesej tersampai melalui nada suara dan tujuh peratus daripada mesej tersampai melalui perkataan. Apabila kita menulis, kita hanya menyampaikan mesej melalui perkataan dan ini adalah metod komunikasi yang paling tidak efektif. Namun ini tidak akan menjadi faktor penghalang. Kita akan terus menulis, hanya format penulisan akan kita ubah dari penulisan semata-mata kepada “penulisan yang efektif” (*effective writing*). Berikut dijelaskan tentang apa yang saya maksudkan sebagai penulisan yang efektif:

### **3.1.1 Elakkan ayat yang terlalu panjang atau terlalu pendek.**

Ayat yang panjang akan menyukarkan kefahaman dan mungkin melarikan fokus pembaca. Pada waktu yang sama elakkan ayat yang pendek kerana ia mengganggu kelancaran membaca. Panjang yang optimum ketika menulis di atas kertas saiz A4 ialah satu hingga dua baris. Jangan melebihi tiga baris.

### **3.1.2 Guna ayat yang pendek untuk fakta penting.**

Pengecualian dari poin 3.1.1 di atas ialah, gunakan ayat yang pendek untuk menekankan fakta yang penting. Ayat yang pendek memiliki peranan seumpama gaya badan dan nada suara yang tegas. Setelah ditekankan fakta tersebut, gunakan ayat yang lebih panjang (maksimum tiga baris) untuk menjelaskan maksud poin tersebut.


### **3.1.3 Perenggangan tulisan anda.**

Perenggan memiliki peranan penting untuk memudahkan kefahaman pembaca. Perenggan yang baru bererti perbincangan yang baru sekali pun dalam bab yang sama. Perenggan juga membolehkan pembaca berehat

seketika. Justeru pastikan tulisan anda memiliki perenggan. Jangan tulis melebihi tujuh barisan tanpa dipisahkan oleh perenggan.

### **3.1.4 Elakkan penjelasan yang sia-sia.**

Fokus pembaca akan juga lari jika penulis memasukkan penjelasan yang berjela-jela, yang sia-sia. Ketika menulis, terus kepada mesej yang anda ingin sampaikan. Jika dirasakan mesej tersebut agak sukar difaham oleh pembaca, sertakan sedikit penjelasan. Akan tetapi elakkan penjelasan yang berjela-jela kerana ia akan kembali menyukarkan kefahaman pembaca.



Demikian juga, elakkan penjelasan yang berulang-ulang kerana ia akan membosankan pembaca. Jika ada poin

penting yang anda rasa perlu diulangi, lakukannya dengan susunan ayat dan pilihan perkataan yang berbeza.

### **3.1.5 Guna format *numbering* dan *bullets*.**

Jika mesej yang ingin anda sampaikan memiliki beberapa poin di dalamnya, guna format *numbering* dan *bullets*. Jika poin tersebut agak panjang atau memiliki beberapa poin kecil di dalamnya, gunakan pecahan-pecahan kecil dalam bab tersebut. Perhatikan semula bahagian 1 dan 2 risalah ini, saya banyak menggunakan format *numbering*, *bullets* dan pecahan kecil.

### **3.1.6 Jangan terlalu kerap menggunakan koma.**

Jika anda, terlalu kerap, menggunakan koma, ia akan, mengganggu kelancaran membaca. Ini akan, menyebabkan, tulisan anda menjadi, tidak efektif. Gunakan koma hanya apabila anda benar-benar memerlukannya.

### **3.1.7 Jangan letak “space” secara sia-sia.**

Jangan letak ruang kosong atau “ space ” sebelum noktah , koma , koma bertitik , tanda seru , kurungan dan sebagainya . Jangan tekan “ space ” dua kali di antara ayat . Sesetengah pusat pengajian tinggi menggunakan format ini

dalam syarat penulisan tesis mereka . Pada saya semua ini hanya sia-sia, menyukarkan proses atur huruf (*layout*) dan menjatuhkan kadar efektif penulisan anda.

### **3.1.8 Jarakkan barisan.**

Bagi meningkatkan kadar efektif tulisan anda, jarakkan barisan kepada *1.5 line spacing*. Cuba bincang dengan penerbit agar buku anda diterbitkan dengan format *1.5 line spacing*. Elakkan dari menggunakan *single line spacing* kerana ia mengurangkan kadar efektif penulisan dan elakkan dari menggunakan *double line spacing* kerana ia mengurangkan pokok di alam tercinta ini.

### **3.1.9 Elakkan saiz *font* yang terlalu kecil.**

*Font* yang terlalu besar atau terlalu kecil memiliki pengaruh dalam menentukan kadar efektif penulisan anda. Pilih saiz yang sesuai dan bincang dengan penerbit bahawa anda mahukan buku anda diterbitkan dengan saiz tersebut.

Perhatikan perenggan di atas yang menggunakan *single line spacing* dan saiz *font* yang kecil Bandingkan ia dengan perenggan ini yang menggunakan *1.5 line spacing* dan saiz *font* yang sederhana. Dapatkah anda mengesan perbezaannya?

### **3.1.8 Guna *font* berbeza untuk nukilan.**


Kebanyakan format penulisan menggunakan saiz *font* yang lebih kecil bagi sesuatu nukilan. Format ini mengurangi kadar efektif penulisan. Saya cadangkan guna saiz *font* yang sama, tetapi jenis *font* yang berbeza. Pada waktu yang sama dicadangkan agar *margin* kiri atau kiri dan kanan dikecilkkan. Ini lebih efektif untuk para pembaca membezakan antara perkataan penulis dan nukilan perkataan orang lain. Sila rujuk ke 3.1.9 untuk contoh nukilan yang saya maksudkan.

### **3.1.9 Elakkan singkatan perkataan.**

Ketika menulis, elakkan dari menggunakan singkatan perkataan seperti s.w.t (*Subhanahu wa Ta'ala*), s.a.w. (*shallallahu 'alaihi wasallam*), r.d.h. (*radhiallahu 'anh*) dan rah. (*rahimahullah*). Elakkan juga dari menggunakan simbol-simbol yang mewakili singkatan tersebut. Imam al-Nawawi *rahimahullah* menerangkan dalam *Muqaddimah Syarh Shahih Muslimnya* (edisi terjemahan terbitan Mustaqim, Jakarta, 1423H), ms. 104:

Apabila penulis hadis Rasulullah  
menjumpai lafaz Allah, maka hendaklah dia  
meletakkan kalimah yang bermakna

penghormatan untuk-Nya, seperti ‘Azza wa Jalla, Ta’ala, Subhanahu wa Ta’ala, Tabaraka wa Ta’ala, Jalla Zikruhu, Tabaraka Ismuhi, Jallat ‘Azhamatuhu dan bentuk kalimah pujian yang lain. Begitu juga ketika penulis menjumpai lafaz Nabi, maka hendaklah dia meletak kalimah *shallallahu ’alaihi wasallam* secara lengkap, bukan ditulis dengan singkatan atau rumus-rumus tertentu.



Begitu juga jika dia menemukan nama salah seorang sahabat Rasulullah, maka dia sangat dianjurkan meletak kalimah *radhiyallahu ’anh*. Jika nama yang dijumpai ialah dua orang

sahabat, maka hendaklah penulis meletak kalimah *radhiallahu 'anhuma*. Sedangkan apabila penulis menjumpai nama salah seorang ulama' atau tokoh yang shalih, maka hendaklah dia meletak kalimah *radhiallahu 'anh* atau *rahimahullah*.

### 3.1.10 Penggunaan ***bold***, *italic* dan ***underline***.

- Gunakan tulisan yang lebih hitam (***bold***) untuk bab dan pecahan bab.
- Gunakan *italic* untuk apa-apa perkataan yang bukan dari bahasa Melayu. Sebagai contoh, perkataan “air” dalam bahasa Melayu bermaksud sejenis cecair, tetapi dalam bahasa Inggeris bermaksud udara. Penggunaan *italic* memberi isyarat kepada pembaca bahawa perkataan tersebut hendaklah difahami dalam bahasanya yang asal.

Bagi menulis istilah-istilah bahasa Arab, anda memiliki pilihan untuk menggunakan kaedah transliterasi. Melalui kaedah ini, sesuatu istilah ditaip bersama tanda panjang atau titik di atas atau bawah hurufnya. Saya tidak cenderung dengan kaedah ini

kerana:

1. Anda perlu meletakkan usaha tambahan bagi menggunakan kaedah ini, iaitu untuk menaip titik dan baris serta memastikan ia adalah tepat. Suatu penulisan artikel yang boleh disiapkan dalam masa tiga jam akan memerlukan satu jam tambahan semata-mata kerana transliterasi.
2. Manfaatnya untuk pembaca awam adalah minimum kerana kebanyakan mereka tidak faham apa maksud titik dan baris tersebut. Maka di sini timbul persoalan sekadar mana kaedah transliterasi membantu kadar efektif penulisan anda.
3. Kaedah transliterasi tidak membolehkan penggunaan font yang berbeza-beza dalam penulisan anda sebagaimana yang dicadangkan dalam 3.1.8.
  - Gunakan *underline* untuk menarik perhatian pembaca kepada apa-apa maklumat yang penting dalam tulisan anda. Akan tetapi jika anda sudah menggunakan kaedah penulisan ayat yang pendek untuk fakta yang penting (3.1.2), *underline* tidak lagi diperlukan.

### **3.1.11 Elakkan tanda seru, huruf besar dan kata-kata kesombongan.**

Dalam etika penulisan, tanda seru mengisyaratkan penulis yang tidak dapat mengawal emosi manakala huruf besar mengisyaratkan penulis yang tidak dapat mengawal kemarahannya. Menggunakan istilah-istilah yang sukar secara berlebih-lebihan mengisyaratkan penulis yang ingin menunjuk-nunjuk kehebatan dirinya. Sementara kata-kata atau susunan ayat yang bersifat sompong, ujub dan “perasan” menyebabkan pembaca mencampakkan tulisan anda ke bakul sampah.

Elakkan semua ini. Seorang penulis hendaklah sentiasa bertenang, lapang dada dan rendah diri. Walaubagaimana pun jangan terlalu merendahkan diri kerana ia mengisyaratkan penulis yang tidak memiliki keyakinan diri dan tidak yakin dengan apa yang ditulisnya. Kadangkala penulisan yang tegas amat diperlukan bagi menekankan fakta yang penting.

Demikian sebelas cadangan bagaimana mengefektifkan tulisan anda. Berikut dikemukakan satu contoh penulisan yang tidak efektif. Dalam contoh ini,

penulisnya cuba membuat pembukaan atau pengenalan kepada bab berkenaan solat sunat witir. Dia menulisnya seperti berikut:

Pada masa kini , sekali pun oleh orang-orang yang berjambang dan berjubah , mereka semua tak kira para-para ustaz , ustazah , imam , khatib , penceramah , pendakwah , pensyarah jurusan agama , pemikir agama , mufti dan sebagainya dan sebagainya telah meremehkan amalan solat sunat witir pada waktu malam padahal solat sunat witir hukumnya SUNAT MUAKKADAH sebagaimana yang sedia dimaklumi oleh hadis-hadis sahih yang amat banyak jumlahnya dalam kitab-kitab hadis sahih , sunan dan musnad !!! Sekalipun hanya satu rakaat sahaja , satu rakaat sahaja , bukan dua , bukan tiga , bukan empat ; umat Islam masa kini telah meremehkan solat sunat witir padahal Rasulullah saw tidak pernah meremehkannya bahkan pernah MENGQADHANYA pada siang hari apabila meninggalkannya pada malam hari sepetimana yang diriwayatkan isteri baginda A'isyah dalam hadis sahih riwayat Imam Muslim dalam kitab Sahih Muslim yang

tidak diragukan lagi kesahihannya , tidak lain tidak bukan tidak syak menunjukkan betapa penting , tinggi , besar , utama dan mulianya solat witir itu !!! Aduhai wahai para pembaca !!! Aduhai wahai umat Islam akhir zaman !!! Aduhai manusia yang hanya sibuk siang malam mengejar dunia !!! Berwitirlah kalian !!! Solat sunat witir boleh kalian kerjakan dengan satu rakaat sahaja atau tiga rakaat dengan sekali salam atau tiga rakaat dengan dua kali salam. Saya biasa buat witir lima hingga sembilan rakaat tetapi apa perlu saya cerita cara-cara witir lima rakaat , tujuh rakaat dan sembilan rakaat kerana jika yang satu rakaat pun tak buat, apa guna saya cerita yang lima rakaat atau lebih ???

Penulisan di atas dapat ditingkatkan kadar efektifnya seperti berikut:

Di antara solat sunat yang memiliki keutamaan yang tinggi ialah solat sunat witir. Ia adalah solat sunat yang dilaksanakan pada waktu malam dengan jumlah rakaat yang ganjil. Dari sudut hukum, ia adalah *sunat muakkadah*. Ini kerana terdapat banyak hadis sahih yang menganjurkannya, termasuklah sebuah hadis yang

menerangkan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah mengqadinya pada siang hari kerana tertidur pada malam sebelumnya.

Cara mudah untuk menjinak-jinakkan diri dengan solat sunat witir ialah melaksanakannya seperti berikut:

1. Satu rakaat yang diakhiri dengan *tasyahud* dan *salam*.
2. Tiga rakaat, sama ada:
  - a) Tiga rakaat terus tanpa duduk *tasyahud* dan *salam* pada rakaat kedua. *Tasyahud* dan *salam* hanya dilakukan pada rakaat ketiga.
  - b) Dua rakaat diakhiri dengan *tasyahud* dan *salam*. Diikuti dengan satu rakaat diakhiri dengan *tasyahud* dan *salam*.

Berikut dikemukakan hadis-hadis tentang keutamaan solat sunat witir dan pelaksanaannya dalam bentuk satu atau tiga rakaat.

### **3.2 Format Notakaki.**

Sebagaimana yang saya jelaskan sebelum ini, menulis buku agama bukanlah seumpama menulis novel cinta. Anda perlu memberikan rujukan kepada dalil dan hujah yang dikemukakan. Di sinilah letaknya peranan notakaki. Secara lebih terperinci, notakaki memiliki peranan:

1. Menyatakan sumber rujukan.
2. Memberi apa-apa maklumat tambahan seperti biografi ulama' yang disebut namanya di ruang utama dan maksud sesuatu istilah yang digunakan di ruang utama.
3. Mensyarah sesuatu poin di ruang utama. Peranan ini lebih sesuai untuk buku yang ditulis dengan tahap kesukaran yang tinggi (rujuk 2.4.3)

Selain dari peranan ketiga di atas, cuba gunakan format notakaki yang tidak terlalu pendek dan tidak terlalu panjang. Jangan terlalu pendek kerana pembaca tidak akan faham apa yang anda nyatakan, tidak terlalu panjang kerana ia akan mengganggu kelancaran pembacaan. Berikut dikemukakan beberapa cadangan tentang format notakaki:

### **3.2.1 Kemukakan maklumat lengkap rujukan hanya pada kali yang pertama.**

Anda hanya perlu mengemukakan maklumat yang lengkap tentang rujukan anda pada kali yang pertama. Pada notakaki seterusnya, anda boleh meringkaskannya.

- Sebagai contoh, pada kali pertama anda mengemukakan rujukan, anda menulis:

al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani - *Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari* (*tahqiq 'Abdul 'Aziz bin Baz*; Beirut, 1995, Dar al-Fikr), jId. 6, hlm. 352.  
Rujukan ini seterusnya akan diringkaskan kepada *Fath al-Bari* sahaja.

Setelah itu apabila anda menggunakan rujukan yang sama, anda hanya perlu nyatakan di notakaki:

*Fath al-Bari*, jId. 6, hlm. 355.

- Contoh lain apabila pertama kali mengemukakan rujukan:

Ibn Jarir al-Thabari - *Jami' al-Bayan 'an Takwil Ay al-Qur'an* (edisi cdrom *Maktabah Syamilah* versi 2), juz. 4, ms. 56. Rujukan ini seterusnya akan

diringkaskan kepada *Tafsir al-Thabari* sahaja.

Setelah itu apabila anda menggunakan rujukan yang sama, anda hanya perlu nyatakan di notakaki:

*Tafsir al-Thabari*, juz. 4, ms. 59.

- Contoh lain apabila pertama kali mengemukakan rujukan:

Diriwayatkan oleh Imam Muhammad bin 'Isa bin Surah al-Tirmizi dalam kitab *al-Jami'nya (tahqiq: Ahmad Syakir; Dar al-Hadith, Kaherah, 1999)*, hadis no: 32 (*Kitab al-Thaharah, Bab Ma ja-a fi al-wudhu' marratan marratan*). Rujukan ini seterusnya akan diringkaskan sebagai *Sunan al-Tirmizi* sahaja.

Setelah itu apabila anda menggunakan rujukan yang sama, anda hanya perlu nyatakan di notakaki:

*Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 33 (*Kitab al-Thaharah, Bab Ma ja-a fi al-wudhu' marratan marratan*).

Bagi rujukan sumber hadis, amat penting untuk anda menyatakan nama kitab (contoh: *Kitab al-Thaharah*)

dan babnya (contoh: *Bab Ma ja-a fi al-wudhu' marratan marratan*) kerana penomboran hadis sering kali berbeza antara *muhaqqiq* yang berbeza sekali pun terhadap kitab hadis yang sama.

### **3.2.2 Permudahkan notakaki anda.**

Metod penulisan yang efektif perlu juga diaplikasi pada notakaki. Berikut beberapa cadangan:

#### **3.2.2.1 Guna *italic* untuk nama kitab.**

Bagi memudahkan pembaca mengenal judul kitab, gunakan tulisan *italic*.

#### **3.2.2.2 Letakkan maklumat penerbit dalam kurungan.**

Bagi mengelakkan kekeliruan, letakkan maklumat penerbitan dalam kurungan.


#### **3.2.2.3 Guna singkatan untuk jilid dan mukasurat.**

Sebagai pengecualian dari cadangan 3.1.9, gunakan singkatan untuk jilid, juzuk, halaman dan mukasurat. Dengan singkatan ini, jilid = jld., juzuk = juz., halaman = hlm. dan mukasurat = ms..

#### **3.2.2.4 Guna format alamat untuk tertib rujukan.**

Apabila anda menyatakan rujukan, dicadangkan guna format seumpama menulis alamat di atas sampul surat. Anda mulakan dengan nama orang diikuti dengan nama syarikat, nama bangunan, nama jalan, nama bandar dan diakhiri dengan poskod.

Maka apabila menyatakan rujukan di notakaki, mulakan dengan nama pengarang diikuti dengan judul kitab, nama penerbit, bandar lokasi penerbit, tahun penerbitan dan diakhiri dengan rujukan mukasurat.



Sebagai contoh, perhatikan notakaki berikut:

Abi al-Hasan Khalid Mahmud al-Ribath, Beirut,  
1998, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Tuhfatul Akhyar bi  
Tartib Syarh Musykil al-Atsar, juzuk 3, halaman

412.

Notakaki yang sama diolah semula berdasarkan cadangan 3.2.2.1 hingga 3.2.2.4:

Abi al-Hasan Khalid Mahmud al-Ribath -  
*Tuhfatul Akhyar bi Tartib Syarh Musykil al-Atsar* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1998), juz. 3, hlm. 412.

### **3.2.3 Elakkan penggunaan *ibid*, *loc cit*, *op cit*, *idem* dan sebagainya.**

“Kapten, betul ke kita dianjurkan tidur mengiring di sebelah kanan?” bunyi sebuah pesanan ringkas (sms) daripada orang yang tidak saya kenali.

“Apa rujukan anda?” saya membalas kembali.

“Kitab *ibid*, hlm. 35” jawab orang itu.

“*Ibid* bukan nama kitab.”

“Oh! Ya ke? Selama ini saya sangkakan ia nama kitab. Kitab yang amat masyhur kerana banyak pengarang yang menggunakan. Habis, macam mana saya nak tahu nama kitabnya?”

“Rujuk pada nama kitab yang sebelumnya.”

“Kitab sebelumnya ialah op cit”


Percaya atau tidak, ramai pembaca yang menyangkakan *ibid*, *loc cit*, *op cit*, *idem* dan sebagainya ialah nama kitab. Ia mengelirukan mereka dan sedikit jua tidak membantu mereka untuk mengenali sesuatu rujukan yang digunakan oleh penulis. Justeru jangan menggunakan singkatan-singkatan ini, sebaliknya gunalah format sebagaimana yang saya cadangkan di atas (3.2.1).

#### **3.2.4 Seragamkan format notakaki anda.**

Tidak ada format yang baku bagi anda menyusun notakaki. Apa yang saya kemukakan di atas hanya sekadar cadangan. Bagaimana jua format yang anda pilih, yang penting pastikan ia digunakan secara seragam dalam keseluruhan buku anda. Notakaki yang beragam mengisyaratkan penulis yang tidak kemas, tidak tajam dan tidak berdisiplin. Seterusnya ia juga mengisyaratkan hasil kajian yang tidak kemas, tidak tajam dan tidak berdisiplin.

Sebelum berpindah kepada poin seterusnya, ingin saya tambah dua perkara berkaitan notakaki:

1. Notakaki bukanlah satu-satunya kaedah untuk menyatakan rujukan. Anda boleh juga menyatakannya dalam kurungan di ruangan utama sebagaimana yang saya gunakan dalam risalah ini (lihat 3.1.9).
2. Apabila menggunakan kaedah notakaki (*footnote*), pastikan penerbit anda tidak mengubahnya menjadi nota di hujung bab atau nota di akhir buku (*endnote*). Kaedah *endnote* dipilih oleh kebanyakan penerbit kerana ia memudahkan proses aturhuruf (*layout*), sekali gus menjimatkan kos mereka. Walaubagaimana pun ia amat menyusahkan pembaca dan menegatifkan kadar efektif penulisan anda.



### **3.3 Kesilapan Tatabahasa Yang Lazim.**

Seorang penulis hendaklah memerhatikan tatabahasa (*grammar*) yang digunakannya. Antara kesilapan tatabahasa yang lazim berlaku adalah:

#### **3.3.1 “Dari” dan “Daripada”.**

“Dari” digunakan untuk tempat, jarak dan masa.

Contoh: Ahmad berasal dari Ipoh.

“Daripada” digunakan untuk makhluk dan perbandingan. Contoh: Saya pinjam buku ini daripada Umar.

#### **3.3.2 “Ialah” dan “Adalah”.**

“Ialah” digunakan untuk orang dan benda. Contoh: Pemenang pertanding itu ialah Sakinah.

“Adalah” digunakan untuk keadaan, sifat dan perkara subjektif. Contoh: Kelebihan Sakinah dalam pertandingan tersebut adalah kepantasannya berfikir.

#### **3.3.3 “Di dalam” dan “Dalam”.**

“Di dalam” digunakan untuk tempat. Contoh: Kereta itu tersekat di dalam lubang.

“Dalam” digunakan untuk jarak, tempoh. Contoh:  
Kereta yang tersekat itu dijangka akan dapat  
dikeluarkan dalam masa setengah jam.

### **3.3.4 “Dia” dan “Ia”.**

“Dia” digunakan untuk manusia. Contoh: Ketika dia  
mengambil kotak itu, Ahmad menemui seliparnya yang  
hilang sejak sekian lama di dalamnya.

“Ia” digunakan untuk selain manusia. Contoh: Namun  
Ahmad tidak memerlukan lagi selipar itu. Ia dibiarkan  
dalam kotak tersebut.

### **3.3.5 “Di” dan “Pada”.**

“Di” digunakan untuk tempat. Contoh: Jamal  
dilahirkan di Kuching.

“Pada” digunakan untuk masa. Contoh: Jamal  
dilahirkan pada pukul lapan pagi.

### **3.3.6 “Di” jarak atau rapat.**

“Di” dijarakkan apabila merujuk kepada tempat.  
Contoh: Kedua-dua kucing itu berlumba di padang  
permainan kanak-kanak.


“Di” dirapatkan apabila merujuk kepada perbuatan.

Contoh: Kemudian kedua-dua kucing itu diambil semula oleh tuannya.

### **3.3.7 Jangan mulakan ayat dengan kata sendi.**

Jangan mulakan ayat dengan kata sendi seperti “tetapi”, “dan”, “serta”, “untuk”, “seperti”, “kecuali” dan lain-lain.


- Contoh: Tetapi persoalan ini memerlukan semakan semula.
- Betulkan ia menjadi: Walaubagaimana pun persoalan ini memerlukan semakan semula.



## **Bahagian Keempat:**

### **Langkah-Langkah Selepas Menulis**

Apabila seseorang itu menulis, dia menulis apa yang dia fahami. Cabaran seterusnya adalah, adakah para pembaca akan memahami apa yang ditulis mengikut kefahaman yang dikehendaki oleh penulis?



Cabaran ini sebenarnya adalah sesuatu yang besar dan penting. Ia secara tidak langsung menjadikan bahagian keempat ini sesuatu yang tidak kurang besar dan penting. Pengalaman saya menyunting hasil penulisan orang lain

mendapati kebanyakan mereka tidak memberi perhatian kepada bahagian ini. Mereka menganggap sesebuah penulisan sudah selesai apabila mereka habis menulisnya. Ini amat jauh dari kebenaran.

Terdapat tiga langkah yang perlu dilakukan selepas menulis:

1. Membaca pruf.
2. Mengadakan tempoh masak.
3. Menerima maklum balas pembaca.

Marilah kita memperhatikan langkah-langkah ini secara lebih mendalam.

#### **4.1 Membaca Pruf.**

Membaca pruf ialah anda menyerahkan tulisan anda kepada orang lain untuk disemak ketepatan fakta dan bahasa. Secara lebih lanjut:

##### **4.1.1 Sebaik-baiknya empat pembaca pruf.**

Sebaik-baiknya anda mencari empat orang untuk membaca pruf tulisan anda. Dua daripada mereka ialah orang

yang pakar dalam subjek yang anda tulis untuk menyemak ketepatan fakta. Dua selebihnya ialah orang yang tidak duduk dalam subjek yang anda tulis. Peranan mereka ialah menyemak kadar efektif penulisan anda, termasuklah ejaan, tatabahasa dan susunan ayat.


Satu nasihat, jangan khabarkan kepada keempat-empat orang tersebut bahawa mereka semua sedang membaca pruf tulisan anda. Ini akan menyebabkan masing-masing pembaca pruf menganggap ringan tanggungjawab mereka kerana “Jika saya terlepas pandang sesuatu kesilapan, pembaca pruf lain akan menangkapnya.”

Dicadangkan juga untuk mempelbagaikan pembaca pruf anda untuk setiap buku yang berlainan. Pembaca pruf yang berbeza akan memberikan suntikan yang berbeza dan ini dapat anda manfaatkan untuk meningkatkan kualiti penulisan anda.

#### **4.1.2 Pilih pembaca pruf yang cerewet, berani dan komited.**

Pembaca pruf bukanlah sebarang orang, tetapi hendaklah terdiri daripada mereka yang cerewet, berani dan komited. Maksud saya sebagai cerewet adalah dalam konteks

yang positif, iaitu pembaca pruf yang amat teliti lagi tajam dalam semakannya. Dia mengeja huruf demi huruf, menyebut perkataan demi perkataan dan membaca ayat demi ayat. Dia memerhatikan format penulisan sama ada seragam atau tidak, sama ada memudahkan kefahaman atau mengelirukan dan sama ada efektif atau sebaliknya. Dia menyemak ketepatan fakta sekadar mampu dan aktif menyemak kenyataan-kenyataan dalam penulisan tersebut sama ada ia saling menyokong atau saling bercanggah.



Pembaca pruf yang berani ialah mereka yang tidak segan-segan untuk mencatat kesilapan yang mereka temui dan tidak keberatan untuk mengemukakan apa-apa cadangan

pembakaian yang dirasakan perlu. Ciri ini penting kerana budaya masyarakat kita adakalanya menyebabkan seseorang pembaca pruf bersifat segan atau keberatan, lebih-lebih lagi jika mereka sedang membaca pruf penulisan seorang tokoh agama yang dipandang masyarakat.


Komitred. Ini adalah satu ciri yang agak sukar dicari di kalangan umat Islam. Ada yang rajin membaca pruf beberapa bab yang awal, kemudian menjadi malas pada bab selebihnya. Ada yang membaca pruf dengan kaedah *speed reading* sehingga buku setebal tiga ratus mukasurat saiz A4 selesai dibaca pruf dalam masa sehari. Ada pula yang sebaliknya, buku setebal seratus mukasurat saiz A4 mengambil masa dua bulan dan empat puluh tiga suku hari untuk dibaca pruf.

Apabila anda meminta seseorang untuk membaca pruf, berikan dia satu tempoh (*dateline*) untuk menghabiskannya. Tempoh sebulan adalah sesuai untuk buku setebal seratus mukasurat saiz A4. Jika tempoh ini sudah luput dan dia masih belum habis membaca pruf, berikan peringatan kepadanya dan tetapkan tempoh yang baru, umpama seminggu. Jika tempoh baru juga sudah luput, maka abaikan pembaca pruf tersebut. Jangan jadikan orang yang tidak amanah sebagai

faktor penghalang penulisan anda.

#### **4.1.3 Jangan membaca pruf melalui komputer.**

Apabila anda ingin menyerahkan tulisan untuk dibaca pruf, jangan sekadar menghantarnya melalui emel. Membaca pruf melalui skrin komputer adalah sama dengan tidak membaca pruf langsung. Banyak kesilapan yang akan terlepas pandangan oleh orang yang membaca prufnya. Tak percaya? Cuba hantar sebuah artikel lebih kurang sepuluh mukasurat kepada rakan anda melalui emel. Di tengah-tengah artikel itu, anda taip sesuatu yang lucu umpama: “Orang yang membaca tulisan ini amat busuk baunya.” Nescaya rakan anda tidak akan menyedarinya.



Justeru serahkan tulisan anda dalam bentuk bercetak.


Sebaik-baiknya guna pencetak laser kerana ia lebih tajam dan jelas. Jangan guna pencetak di pejabat anda kerana ia akan melibatkan persoalan halal-haram. Sebaliknya pergi ke mana-mana *cybercafe* dan cetak di sana dengan dengan sedikit bayaran.

Jika anda banyak menulis, cuba pertimbangkan untuk membeli pencetak laser peribadi. Ia mungkin mahal tetapi kos operasinya amat rendah berbanding pencetak *ink jet*. Sebagai contoh saya menggunakan pencetak laser jenama Samsung yang dibeli pada tahun 2004 dengan harga RM1800.00. Ia mampu mencetak dengan kelajuan sepuluh helai seminit, setiap helai dicetak depan dan belakang sekali gus. Satu *toner* dakwat berharga RM400.00 boleh mencetak secara purata tujuh ribu helai. Semua ini menjimatkan masa dan kos saya.

#### **4.1.4 Manfaatkan pembaca pruf anda.**

Banyak berdiam diri akan menjemput ilmu, banyak berbicara akan menghalang ilmu. Demikian satu petua mudah yang saya gunakan sebagai petua untuk menuntut ilmu. Apabila ada orang memberi maklumbalas kepada anda, diam dan dengar. Bertanya hanya jika perlu. Biarkan orang itu selesai menyampaikan apa yang dia hendak sampaikan.

Setelah itu anda menganalisa dengan mengambil apa yang bermanfaat dan menangguhkan apa yang dirasakan tidak bermanfaat. Jangan dibuang terus kerana apa yang tidak bermanfaat pada saat ini mungkin akan bermanfaat pada hari kemudian.



Jangan banyak berbicara, iaitu dengan membantah atau cuba membela pandangan anda. Sikap ini akan menyebabkan orang lain merasa tawar hati untuk memberi apa-apa maklumbalas selanjutnya kepada anda. Manakan tidak? Jika dibetulkan seayat, anda membantah seperenggan. Jika diberi cadangan sepatah dua, anda membela pandangan anda berjilid-jilid. Jika anda banyak berbicara, orang lain tidak akan berminat memberi apa-apa maklumbalas kepada anda kerana mereka merasakan anda tidak menghargainya.

Akhirnya anda sendiri yang rugi.

Petua ini hendaklah juga digunakan apabila menerima hasil semakan pembaca pruf. Semak dan analisa pembetulan dan cadangan pemberian yang dia kemukakan kepada anda. Jangan banyak bicara, jangan membantah. Ambil apa yang bermanfaat dan tangguhkan apa yang dirasakan tidak bermanfaat.

#### **4.2 Mengadakan Tempoh Masak.**

Buah mangga yang sudah besar memutik tentu menggiurkan selera anda. Akan tetapi jika anda membiarkannya di dahan untuk beberapa ketika sehingga masak, sudah tentu ia lebih sedap, lebih manis. Walaubagaimana pun jangan dibiarkan terlalu lama kerana dibimbangi ia akan jatuh ke tanah, busuk atau dimakan oleh burung.

Demikianlah juga dengan penulisan anda. Biarkan ia seketika untuk mencapai tempoh masaknya. Setelah itu baca semula dan buat apa-apa pemberian terakhir (*finishing touch*). Tempoh masak yang optimum ialah satu bulan. Jangan

dibiarkan terlalu lama kerana anda mungkin menjadi bosan dengannya.

Tempoh masak sebulan yang dicadangkan adalah selari dengan tempoh yang anda berikan kepada pembaca pruf untuk menyemak penulisan anda. Anda dapat manfaatkan semua ini sekali gus, seperti contoh berikut:


- 15 Januari: Anda habis menulis dan menyerahkannya kepada para pembaca pruf.
- 16 Januari hingga 15 Februari: Para pembaca pruf anda sedang menyemak penulisan anda. Pada waktu yang sama tempoh ini juga menjadi tempoh masak penulisan anda.
- 16 Februari: Para pembaca pruf menyerahkan tulisan anda yang sudah habis disemak.
- 17 Februari: Anda memasukkan pembetulan dan cadangan para pembaca pruf ke dalam penulisan anda. Setelah itu anda membaca untuk kali terakhir sambil melakukan apa-apa pembaikan terakhir.

Jangan melakukan terlalu banyak pembaikan terakhir kerana ini akan menyebabkan tulisan anda perlu dibaca pruf

semula. Lazimnya pemberian terakhir hanya untuk mengemas kini pilihan perkataan dan susunan ayat.

#### **4.3 Menerima Maklumbalas Pembaca.**

Sekali pun anda telah menyerahkan penulisan anda untuk disemak oleh empat atau lebih pembaca pruf, pasti akan ada kesilapan yang terlepas pandang. Ini kerana kesempurnaan hanyalah milik Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, bukan milik kita.



Oleh itu usaha menyemak sesebuah penulisan tidak berakhir dengan pembaca pruf. Ia adalah satu proses berterusan yang tidak mengenal titik noktah. Sedar atau tidak, para pembaca anda juga boleh menjadi pembaca pruf. Sambil


membaca, mereka akan dapat mengesan sesuatu kesilapan atau mampu memikirkan cadangan pemberian yang bernas.

Bagi memanfaatkan para pembaca anda sebagai pembaca pruf, anda perlu sediakan jalan mudah untuk mereka menghubungi anda. Cara terbaik ialah meletak alamat emel atau nombor talifon anda di bahagian awal buku. Melalui cara ini, anda bukan sahaja dapat menerima maklumbalas pembaca, tetapi juga dapat berkenalan dengan para pembaca anda. Sudah tentu ini sesuatu yang menyeronokkan, apatah lagi merupakan sesuatu yang sememangnya ditekankan oleh Islam. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman, maksudnya:

*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). [al-Hujurat 49:13]*

Sekali sekala anda akan dihubungi dengan pembaca yang amat marah dengan penulisan anda. Bertenanglah, dengan sedikit sembang-sebang ringan, permusuhan yang disangkakan ketat akan menjadi persahabatan yang rapat. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman, maksudnya:

*Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.* [Fussilat 41:34]



Sekali sekala juga para pembaca akan menghubungi anda untuk bertanya sesuatu persoalan agama. Jika anda tahu jawapannya, maka bantulah dia. Jika anda perlu mengkaji, maka tangguhkan dahulu. Jika anda tidak tahu, maka jawab "Saya tidak tahu". Jangan gelisah untuk menerima soalan kerana ia sebenarnya adalah salah satu cara untuk anda

belajar. Jangan takut untuk menjawab “Saya tidak tahu” kerana ia sebenarnya mengisyaratkan bahawa anda ialah seorang yang jujur terhadap ilmu. Para tokoh generasi awal pernah berpesan: “Apabila anda mendengar seseorang lazim berkata dia tidak tahu, maka bersaksilah bahawa dia ialah seorang yang berilmu”.


## **Bahagian Kelima:**

### **Memilih Penerbit Yang Baik**

Langkah seterusnya ialah memilih penerbit yang baik. Hampir semua penerbit ialah syarikat perniagaan, maka dengan itu hampir semua penerbit mementingkan keuntungan. Anda akan dapat mengenali penerbit yang hanya mementingkan keuntungan melalui dua ciri berikut:

1. Penerbit akan meminta anda menulis buku yang mudah sehingga *bohsia* dan *bohjan* boleh membacanya. Maksud tersirat dari permintaan ini ialah, buku yang mudah akan lebih laris dan ini akan memberi keuntungan besar kepada penerbit.
2. Penerbit akan meminta anda memadamkan semua notakaki dalam penulisan anda, konon notakaki menakutkan pembaca awam. Maksud yang tersirat ialah, notakaki sebenarnya mengiklankan sumber bacaan yang lain. Ini akan menyebabkan pembaca mencari sumber tersebut dan akhirnya mengurangi keuntungan penerbit.

Walaubagaimana pun dicelah-celah itu semua ada segelintir penerbit yang memberi perhatian kepada kebaikan Islam dan umatnya. Mereka cuba memberi pertimbangan yang adil antara keuntungan dan kebaikan, antara dunia dan akhirat.



### 5.1 Bagaimana Memilih Penerbit Yang Baik?

Bagi memilih penerbit yang baik, saya cadangkan anda memerhatikan faktor-faktor berikut yang saya susun berdasarkan prioriti:

1. **Edaran (*marketing*).** Cari penerbit yang luas edarannya. Amatlah merugikan jika usaha dan ilmu

yang anda curahkan dalam penulisan anda tidak tersebar kepada orang ramai.

Rajinkan diri pergi ke kedai-kedai yang lazim menjual buku agama dan lihat penerbit manakah yang buku mereka dijual oleh kebanyakan kedai. Penerbit yang memiliki edaran yang luas lagi teratur akan anda temui buku-buku mereka di hampir setiap kedai, tak kira kedai besar atau kecil, kedai ternama atau biasa-biasa.

Setiap penerbit akan mencatitkan alamat dan nombor talifon mereka di dalam buku yang mereka terbit. Salin maklumat tersebut, kemudian hubungi mereka untuk bertanya apa prosedur untuk mereka menerbitkan buku anda.

Cara lain yang lebih profesional, cetak penulisan anda dalam saiz A4 dengan menggunakan pencetak laser, jilidkan ia kemas dengan *comb binding* dan *plastic cover*. Kemudian poskan ia kepada penerbit dengan disertakan sebuah surat rasmi yang menyatakan hasrat anda agar penulisan yang disertakan itu diterbitkan oleh mereka. Nyatakan juga apa-apa permintaan khas atau syarat tambahan yang anda kehendaki berkaitan

penerbitan buku anda. Sertakan cara mudah untuk mereka menghubungi anda, sama ada nombor talifon atau alamat emel.

2. **Hakcipta.** Pastikan hakcipta (*copyright*) berada di atas nama anda supaya seandainya berlaku apa-apa yang tidak baik kepada penerbit anda pada masa akan datang, anda masih dapat menerbitkan buku tersebut dengan penerbit yang lain.
3. **Saling hormat menghormati.** Pilih penerbit yang menghormati anda sebagai penulis. Maksud saya di sini ialah penerbit yang sudi berbincang dengan anda dan mendengar apa-apa permintaan khas anda. Melalui perbincangan antara penulis dan penerbit, satu kata sepakat yang memenangkan kedua-dua pihak dapat dicapai.

Sebagai contoh, anda mungkin meminta agar buku anda diterbitkan dengan format *1.5 line spacing* (rujuk 3.1.8). Penerbit pula ingin menerbitkan dengan format *single line spacing*. Cuba bincang untuk mencari solusi pertengahan, umpama menggunakan format *1.25 line spacing*.

4. *After sales service.* Tanya kepada penerbit anda beberapa soalan berikut:

- a) Jika anda ingin membeli buku anda sendiri daripada penerbit, berapakah diskaun yang anda dapat dari harga pasaran? Pastikan anda mendapat diskaun minimum 30%.
- b) Jika anda ingin menghantar buku anda ke sesuatu lokasi lain, adakah mereka menyediakan khidmat penghantaran dan berapakah kosnya? Soalan ini penting kerana anda mungkin dijemput menyampaikan kuliah yang mengupas buku anda di satu lokasi yang jauh. Anda tidak perlu bersusah payah membawa tiga ratus naskah buku anda ke sana, sebaliknya minta penerbit menghantar buku tersebut kepada pihak penganjur.
- c) Apakah penerbit menyediakan ruang untuk anda membuat apa-apa pembetulan dalam buku anda? Kadangkala disebabkan bertambahnya ilmu dan maklumbalas pembaca (rujuk 4.3), anda ingin membuat beberapa

pembetulan dalam buku anda pada masa akan datang.

5. **Royalti.** Seandainya anda tetap memilih untuk meminta bayaran royalti, maka bincang dengan penerbit kadar bayarannya. Jangan meminta kadar yang terlalu tinggi kerana kemungkinan besar penerbit akan menolaknya. Kadar yang sesuai ialah antara RM0.50 hingga RM1.00 bagi setiap buku yang dijual, bergantung kepada kualiti ilmu dan kadar efektif penulisan anda dalam buku tersebut.

Apabila anda memilih penerbit berdasarkan faktor-faktor di atas, jangan mudah mengalah. Ingat! Penerbit tidak akan wujud tanpa penulis. Oleh itu beranikan diri berbincang dengan mereka dan jangan mengalah seandainya mereka tidak menepati faktor-faktor di atas. Di luar sana terdapat banyak penerbit lain.

Seandainya tidak ada penerbit yang mahu menerima penulisan anda, jangan putus asa. Teruskan mencari. Tahukah anda bahawa siri buku *Harry Potter* yang dikarang oleh J.K. Rowling pada asalnya tidak diterima oleh mana-mana syarikat penerbitan yang besar. Pengarangnya tidak berputus asa dan


terus mencari sehingga dia menemui sebuah penerbit yang sudi menerbitkannya. Kini pada tahun 2008, siri buku tersebut menjadi antara yang paling laris di seluruh dunia dan telah ditukar menjadi filem *blockbuster*.

## **5.2 Adakah Khidmat Penyunting Sesuatu Yang Positif Atau Negatif?**

Sebahagian penerbit menyediakan khidmat penyunting. Adakah ini sesuatu yang positif atau negatif? Jawapannya bergantung kepada peranan penyunting itu sendiri. Khidmat penyunting adalah sesuatu yang positif jika:

1. Penyunting menghormati anda sebagai penulis dan berlaku perbincangan yang harmonis antara penulis dan penyunting.
2. Penyunting hanya memberi cadangan pemberian manakala kata putus untuk memasukkan atau tidak cadangan tersebut diserahkan sepenuhnya kepada anda. Pada waktu yang sama, janganlah pula anda berkeras kepala sehingga menolak semua cadangan penyunting. Manfaatkan penyunting sebagaimana

anda memanfaatkan pembaca pruf (rujuk 4.1.4).



Justeru jangan mudah terpedaya dengan khidmat penyunting yang disediakan oleh pihak penerbit. Jangan serahkan buku anda kepada penerbit dan berkata: "Suntinglah apa yang patut". Kebanyakan penyunting tidak pernah menulis buku dan seandai mereka menulis, ia tidak tentu lebih baik daripada apa yang anda tulis. Jika penerbit yang anda pilih menyediakan khidmat penyunting, pastikan ia adalah sesuatu yang positif dan bukannya negatif.

## **Kata Penutup:** **Jangan Menulis Al-Qur'an**

Di alam ini hanya ada satu buku yang sempurna, iaitu al-Qur'an. Ia adalah *kalam* Allah dan Maha Suci Allah daripada apa-apa kekurangan atau kesilapan. Semua buku selain al-Qur'an adalah hasil karangan manusia dan semua buku selain al-Qur'an akan memiliki kekurangan dan kesilapan. Justeru apabila anda menulis buku, jangan menulis al-Qur'an. Jika anda bercita-cita menulis buku yang sempurna seumpama al-Qur'an, anda tidak akan dapat mencapainya.

Sebaliknya bercita-citalah menulis buku yang sebaik mungkin. Kekurangan tetap akan wujud, kesilapan tetap akan berlaku. Kekurangan dan kesilapan ini anda dapat minimumkan, akan tetapi anda tidak akan dapat mensifarkannya.

Saya menyatakan hakikat ini kerana saya memiliki beberapa kenalan yang memiliki penulisan yang amat baik, akan tetapi mereka enggan menerbitkannya kerana menganggap ia masih belum sempurna. Selain itu ada juga beberapa kenalan lain yang amat berilmu lagi berwawasan,

tetapi enggan menulis kerana menganggap ilmu mereka masih belum sempurna.

Menulis bukan bererti ilmu anda sempurna atau anda adalah penulis yang cemerlang. Sebaliknya menulis bererti anda ingin menuntut ilmu dan ingin belajar menulis. Ini kerana dengan menulis, anda akan mengkaji subjek tersebut secara meluas sehingga ia akhirnya menambah ilmu anda. Menulis juga menyebabkan anda melatih menulis dan perlahan-lahan ia akan meningkatkan kecemerlangan anda sebagai penulis. Oleh itu betulkan manhaj anda tentang menulis. Masyarakat menunggu hasil penulisan anda dengan penuh harapan.

**Lain-Lain Buku oleh Hafiz Firdaus Abdullah**

(Boleh dipesan terus dari Jahabersa di nombor 07-2351602)

**Marilah Mendirikan Sembahyang.**  
Jahabersa, 2000

**Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam.**  
Edisi Pertama: Jahabersa 2000  
Edisi Kedua: Jahabersa 2004.  
Edisi Ketiga: Jahabersa 2008.

**Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan.**  
Jahabersa, 2000, 2005.

**Solat Tarawikh: Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang  
Menetapkannya kepada 20 Rakaat.**  
Jahabersa, 2000

**20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya.**  
Jahabersa, 2002, 2005.

**Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.**  
Jahabersa, 2002

**Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil.**  
Jahabersa, 2003

**Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah: 73  
Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari.**  
Jahabersa, 2003, 2004.

- Apakah Jihad Di Jalan Allah?**
- **Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad.**  
Jahabersa, 2003
  - **Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya.**  
Jahabersa, 2004

**Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi‘ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah.**

- **Siri Pertama: Definisi Syi‘ah al-Rafidhah, Sejarah Kelahiran Syi‘ah al-Rafidhah dan 5 Strategi Asas Syi‘ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.**  
Jahabersa, 2004
- **Siri Kedua: Jawapan Ahl al-Sunnah kepada ayat-ayat al-Qur‘an yang dijadikan hujah oleh Syi‘ah dalam persoalan khalifah.**  
Jahabersa, 2004
- **Siri Ketiga: Jawapan Ahl al-Sunnah kepada hadis-hadis Rasulullah yang dijadikan hujah oleh Syi‘ah dalam persoalan khalifah.**  
Jahabersa, 2005
- **Siri Keempat: Jawapan Ahl al-Sunnah Berkennaan Sejarah dan Keutamaan Para Sahabat.**  
Jahabersa, 2005

**Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa (Himpunan Risalah Berkennaan Puasa dan Permasalahannya)**

Jahabersa, 2005

**Edisi Baru: Amalan-Amalan Di Bulan Ramadhan.**

Jahabersa, 2008

**Marilah Berkenalan Dengan al-Qur‘an.**

Jahabersa, 2005, 2008.

**Edisi terjemahan Inggeris: Let’s Get Acquainted With Al-**

**Qur‘an.**

Jahabersa, 2007.

**Wahai Ibu! Wahai Ayah!**

Jahabersa 2006, 2006, 2006, 2007, 2008.

**Edisi Terjemahan Inggeris: Dear Mom & Dad.** Jahabersa

2008.

**11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid**

Jahabersa, 2006, 2006.

**Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat**  
Jahabersa, 2006.

**Edisi Terjemahan Inggeris: Looking For Allah's Blessing  
Behind Differences of Opinion.**  
Jahabersa, 2007.

**Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.**  
Jahabersa, 2007, 2007.

**7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam.**  
Jahabersa, 2007.

**Membongkar Aliran Islam Liberal.**  
Jahabersa, 2007.

**Menjawab 17 Fitnah Terhadap Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah.**  
(Ulasan kepada karya asal Syaikh Murad Syukri yang diterjemah oleh  
Ustaz Badrul Hisham bin Sulaiman).  
Jahabersa, 2008.

**Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah.**

- **Buku 1** Jahabersa, 2004
- **Buku 2** Jahabersa, 2005
- **Buku 3** Jahabersa, 2005
- **Buku 4** Jahabersa, 2006
- **Buku 5** Jahabersa, 2007
- **Buku 6** Jahabersa, 2008

**Berdakwah Melalui Penulisan Efektif**  
Jahabersa, 2008.

**Penulis anda**, Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang.

Sejak awal beliau memiliki minat yang besar dalam ilmu-ilmu agama. Kerjayanya sebagai juruterbang memberi banyak kelebihan (*advantage*) bagi beliau untuk memahami agama dari perspektif yang lebih luas. Pada waktu yang sama beliau juga dapat menimba ilmu daripada pelbagai tokoh dan sumber di serata dunia.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

Ringkasnya, sesiapa jua yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.